



JAWATANKUASA ETIKA & PENYELIDIKAN PERUBATAN
(*Medical Research & Ethics Committee*)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
d/a Institut Pengurusan Kesihatan
Jalan Rumah Sakit, Bangsar
59000 KUALA LUMPUR



Tel.: 03-2287 4032/2282 0491/2282 9085
03-2282 9082/2282 1402/2282 1449
Faks: 03-2282 0015

Ruj. Kami : (05) KKM/NIHSEC/P16-1365
Tarikh : 6 September 2016

FAUZIAH BINTI ISMAIL
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM), MAIN CAMPUS

Tuan/Puan,

NMRR-16-1390-31731 (IIR)

Kesan Gaya Komunikasi Doktor Perubatan Terhadap Kepuasan Pesakit

Lokasi Kajian:

HOSPITAL SEBERANG JAYA

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Jawatankuasa Etika & Penyelidikan Perubatan (JEPP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tiada halangan, dari segi etika, ke atas pelaksanaan kajian tersebut. JEPP mengambil maklum bahawa kajian tersebut hanya melibatkan pengumpulan data menggunakan kaedah:

i) ***Borang soal selidik***

3. Segala rekod dan data subjek adalah **SULIT** dan hanya digunakan untuk tujuan kajian ini dan semua isu serta prosedur mengenai *data confidentiality* mesti dipatuhi.

4. Kebenaran daripada Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital dan Ketua-Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab disetiap lokasi kajian di mana kajian akan dijalankan mesti diperolehi sebelum kajian dijalankan. Tuan/Puan perlu akur dan mematuhi keputusan tersebut. Sila rujuk kepada garis panduan Institut Kesihatan Negara mengenai penyelidikan di Institusi dan fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (Pindaan 01/2015) serta lampiran **Appendix 5** untuk templet surat memohon kebenaran tersebut.

5. Adalah dimaklumkan bahawa kelulusan ini adalah sah sehingga **tamat kajian ini**.


Sekiranya terdapat sebarang pindaan atau perubahan dalam dokumen kajian yang mungkin meningkatkan tahap risiko secara signifikan kepada subjek/pesakit/responden, sila maklumkan kepada pihak JEPP dengan kadar segera melalui email ke mreciir@nih.gov.my. Tuan/Puan juga perlu menghantar **Study Final Report** ke JEPP pada penghujung kajian. Borang tersebut boleh dimuat turun daripada laman web MREC (<http://www.nih.gov.my/mrec>).

6. Sila ambil maklum bahawa sebarang urusan surat-menyurat berkaitan dengan penyelidikan ini haruslah dinyatakan nombor rujukan surat ini untuk melicinkan urusan yang berkaitan.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



.....
(DATO' DR. CHANG KIAN MENG)

Pengerusi

Jawatankuasa Etika & Penyelidikan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia